

Teori Modal Insan untuk Pembangunan Profil Pekerjaan bagi Pelajar Masalah Pembelajaran dalam Industri Perkhidmatan Makanan (Human Capital Theory for the Development of Job Profiles for Students with Learning Disabilities in the Food Service Industry)

NIK NORLAILI JAMILAH NIK OTHMAN, MOHAMAD SATTAR RASUL & FATHIYAH MOHD KAMARUZAMAN*

ABSTRACT

The food service industry provides employment opportunities that can help students with learning difficulties develop work skills and contribute to the national economy, in line with the Sustainable Development Goals (SDGs). Various government incentives and the National TVET Policy 2030 support inclusive education and vocational skills. An approach based on Human Capital Theory is needed to develop suitable job profiles, enhancing workforce productivity and competitiveness. This study employs a comparative article analysis method based on the models used in the research. Articles were sourced from the Scopus database. The outcome of this model comparison will contribute to the development of job profiles based on categories of students with learning difficulties as a source of skilled and semi-skilled labor for the food and beverage service industry.

Keywords: Job Profile, Human Capital Theory, Students with Learning Disabilities, Food and Beverages Industry

ABSTRAK

Industri perkhidmatan makanan menyediakan peluang pekerjaan yang boleh membantu pelajar dengan masalah pembelajaran mengembangkan kemahiran kerja dan menyumbang kepada ekonomi negara, selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Pelbagai insentif kerajaan dan Dasar TVET Negara 2030 menyokong pendidikan inklusif dan kemahiran vokasional. Pendekatan berdasarkan Teori Modal Insan diperlukan untuk membangunkan profil pekerjaan yang sesuai, meningkatkan produktiviti dan daya saing tenaga kerja. Kajian ini menggunakan kaedah perbandingan artikel berdasarkan model yang digunakan dalam kajian. Artikel diperoleh daripada pengkalan data Scopus. Hasil daripada perbandingan model yang dijelaskan ini akan menyumbang kepada pembangunan profil pekerjaan berdasarkan kategori pelajar masalah pembelajaran sebagai sumber tenaga mahir dan separa mahir kepada industri perkhidmatan makanan dan minuman.

Kata Kunci: Profil Pekerjaan, Teori Modal Insan, Pelajar Masalah Pembelajaran, Industri Perkhidmatan Makanan dan Minuman

PENGENALAN

Industri perkhidmatan makanan adalah industri yang berkembang pesat dan menawarkan pelbagai peluang pekerjaan. Bagi pelajar dengan masalah pembelajaran, ini dapat menjadi platform untuk mengembangkan kemahiran kerja dan menyumbang kepada ekonomi negara. Ini adalah selari dengan SDG Matlamat 1: Mengurangkan kemiskinan dan Matlamat 4: Pendidikan yang berkualiti kepada semua golongan masyarakat. Pelbagai insentif kerajaan yang telah dilaksanakan bagi menyokong pembangunan mampan dalam institusi pendidikan inklusif yang lebih memfokuskan bidang kemahiran vokasional dan teknikal kepada pelajar masalah pembelajaran. Ini menunjukkan bahawa terdapat peluang dan ruang kepada pelajar masalah pembelajaran untuk terus tekal dalam pekerjaan yang dapat menerima kelebihan dan kelebihan yang dimiliki oleh setiap kategori pelajar masalah pembelajaran. Antara sasaran Dasar TVET Negara 2030 adalah untuk merealisasikan TVET sebagai laluan utama kerjaya dan memberikan pendidikan berkualiti kepada semua masyarakat termasuklah pendidikan khas.

Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah pihak kerajaan akan memberikan insentif kepada majikan yang menawarkan perjawatan kepada pemegang kad OKU untuk membuka laluan pekerjaan dalam bidang kemahiran dan teknikal. Namun, pembangunan profil pekerjaan yang sesuai bagi pelajar masalah pembelajaran memerlukan pendekatan berasaskan Teori Modal Insan berupaya meningkatkan produktiviti pekerja dan daya saing tenaga kerja (Becker, 1993; Schultz, 1961). Dalam konteks pelajar masalah pembelajaran, terutamanya dalam industri perkhidmatan makanan, teori ini boleh menjadi asas untuk membangunkan profil pekerjaan yang sesuai. Kajian ini bertujuan untuk menyoroti kepentingan dan aplikasi teori modal insan dalam pembangunan kerjaya pelajar dengan masalah pembelajaran dalam industri ini. Teori ini menekankan kepentingan pendidikan dan latihan dalam meningkatkan produktiviti pekerja dengan menyediakan kerangka yang sesuai untuk memahami dan merangka profil pekerjaan bagi pelajar dengan masalah pembelajaran dalam industri perkhidmatan makanan.

Dalam konteks pelajar masalah pembelajaran, pelaburan dalam latihan kemahiran kerja dapat meningkatkan kebolehpasaran, serta mengekalkan mereka dalam pekerjaan dan membolehkan mereka berfungsi dengan lebih efektif dalam persekitaran kerja (Smith et al., 2020). Kajian menunjukkan bahawa individu dengan masalah pembelajaran sering memiliki potensi yang belum dieksplorasi sepenuhnya dalam pasaran kerja (Brown & Emmett, 2019). Pelajar masalah pembelajaran menghadapi pelbagai cabaran dalam memasuki pasaran kerja, termasuk kurangnya peluang latihan yang sesuai, diskriminasi, dan

kurangnya sokongan dari majikan (Jones & Kelly, 2018; Martin, 2017). Namun, terdapat juga peluang besar jika majikan dan pembuat dasar menyediakan sokongan yang diperlukan, seperti latihan khusus dan penyesuaian di tempat kerja (Garcia et al., 2020).

Objektif artikel ini adalah untuk membincangkan teori modal insan boleh diaplikasikan dalam pembangunan profil pekerjaan yang sesuai untuk pelajar dengan masalah pembelajaran dalam industri perkhidmatan makanan. Selain itu, program inisiatif dan insentif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dan pelbagai pihak badan berkanun untuk membantu pelajar masalah pembelajaran agar terus tekal berada dalam alam pekerjaan yang bersesuaian dengan keupayaan bekerja mereka. Selain itu, pengkaji juga akan mengenalpasti langkah-langkah yang boleh diambil oleh majikan dan kerajaan untuk terus memberi sokongan kepada pelajar masalah pembelajaran. (Hughes, 2018; Lee, 2019).

Rentetan kesan daripada Covid 19 melanda seluruh dunia, industri ini berkembang lebih pesat dengan wujudnya profil pekerjaan baru kepada industri seperti penghantar makanan, penerima pesanan makanan atas talian dan konsep dapur awan (*cloud kitchen*). Di samping itu, perkembangan dalam teknologi digital dan IOT juga memberi impak yang positif kepada industri perkhidmatan makanan. Penggunaan aplikasi tempahan makanan dan teknologi robotik dalam penghantaran makanan kepada pelanggan membuka peluang pekerjaan baru kepada profil pekerjaan yang bersesuaian dengan tahap keupayaan bekerja pelajar masalah pembelajaran di mana pengoperasian dalam premis perkhidmatan makanan lebih pantas mudah dan cekap dengan adanya bantuan daripada robot penghantar makanan. Pekerja masalah pembelajaran hanya perlu memantau pengoperasian penghantaran makanan kepada pelanggan dengan lebih cekap dan tepat.

Oleh itu kajian ini bertujuan untuk membangunkan profil pekerjaan berdasarkan keupayaan bekerja bagi pelajar masalah pembelajaran berdasarkan teori modal insan dalam industri perkhidmatan makanan. Namun, tidak semua individu mendapat akses yang sama kepada peluang ini, terutama bagi pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran. Pelajar dengan masalah pembelajaran sering berdepan dengan pelbagai cabaran yang menghalang mereka daripada memasuki dan berjaya dalam dunia pekerjaan. Oleh itu, keterangkuman dalam industri ini adalah penting bagi memastikan semua individu, tanpa mengira latar belakang atau cabaran yang dihadapi, mempunyai peluang yang sama untuk berkembang dan berjaya.

Selain itu, profil pekerjaan dapat dibentuk secara inklusif bagi pelajar dengan masalah pembelajaran dalam industri perkhidmatan makanan. Dengan meneliti strategi dan sokongan yang diperlukan, artikel ini akan

membincangkan kepentingan mewujudkan persekitaran kerja yang mesra pembelajaran. Selain itu, ia juga akan menyoroti langkah-langkah praktikal yang boleh diambil oleh majikan dan institusi pendidikan dalam memastikan pelajar dengan masalah pembelajaran tidak terpinggir dan mampu mencapai potensi penuh mereka dalam kerjaya masing-masing.

Namun, terdapat beberapa jurang kajian yang agak ketara di mana penelitian terperinci mengenai bagaimana setiap kategori masalah pembelajaran (seperti ADHD, disleksia, autism, Sindrom Down, kecacatan intelektual dan lewat perkembangan global) mempengaruhi kemampuan kerja pelajar dalam industri perkhidmatan makanan masih kurang. Kajian sering kali menggabungkan semua kategori dalam satu analisis, yang menyebabkan kurangnya pemahaman spesifik. Melalui pendekatan yang holistik dan inklusif, kita dapat mengorak langkah ke arah keterangkuman yang lebih bermakna dalam industri perkhidmatan makanan. Ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar dengan masalah pembelajaran, tetapi juga memperkayakan industri dengan tenaga kerja yang lebih pelbagai dan berdaya saing.

Selain itu, kurang kajian empirikal terhadap pembangunan modal insan untuk golongan masalah pembelajaran khususnya dalam industri perkhidmatan makanan di Malaysia. Kajian mengenai pembangunan modal insan khusus untuk pelajar dengan masalah pembelajaran dalam industri perkhidmatan makanan masih terhad. Penyelidikan yang ada sering kali tidak mendalamimpak jangka panjang program tersebut terhadap peluang pekerjaan dan kemajuan kerjaya pelajar.

Oleh itu, terdapat keperluan untuk menjalankan kajian ini kerana pembangunan profil pekerjaan ini akan memberi sumbangan kepada industri, penggubal kurikulum individu berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran, ibu bapa, serta guru dalam memberikan kemahiran yang bersesuaian dengan perwatakan dan tingkah laku untuk setiap kategori masalah pembelajaran. Secara tidak langsung dengan adanya kerangka profil pekerjaan ini akan menghasilkan tenaga pekerja mahir dan separa mahir kepada industri perkhidmatan makanan dalam kalangan individu berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran untuk memasuki alam pekerjaan. Ini juga akan memberi peluang kepada individu masalah pembelajaran untuk berketerampilan serta dapat mengukuhkan ekonomi dan kualiti kehidupan. Selain itu juga, bilangan pekerja asing dalam sektor perkhidmatan makanan juga dapat dikurangkan dengan adanya peluang pekerjaan kepada individu masalah pembelajaran.

PENGENALAN TEORI MODAL INSAN

Teori sandaran utama dalam kajian ini adalah Teori Modal


Insan yang diasaskan oleh Theodore W. Schultz pada tahun 1961. Menurut Schultz, pengetahuan dan kemahiran ialah elemen modal yang terhasil daripada pelaburan yang disengajakan. Selain itu, Schultz juga menegaskan bahawa wujud hubungan antara peningkatan modal insan dengan peningkatan pendapatan pekerja. Pengasas kedua Teori Modal Insan ialah Gary Becker, seorang pakar ekonomi, telah memperkenalkan konsep teori modal insan yang menyatakan bahawa pelaburan dalam pendidikan dan latihan akan meningkatkan kemahiran dan produktiviti individu. Rajah 1 menunjukkan pengasas Teori Modal Insan. Bagi pelajar masalah pembelajaran, pendidikan yang disesuaikan dengan keperluan mereka boleh meningkatkan kebolehpasaran dan peluang pekerjaan dalam industri perkhidmatan makanan

TEORI MODAL INSAN



Theodore Schultz (1902-1998)
Ahli Ekonomi

- Pengetahuan dan kemahiran ialah elemen modal yang terhasil daripada pelaburan yang disengajakan.
- Wujud hubungan antara peningkatan pelaburan modal insan dengan peningkatan pendapatan pekerja.



Gary S. Becker (1975-2014)
Ahli Sosiologi Ekonomi

TEORI MODAL INSAN

Human Capital Theory

- Manusia = Modal
- Pelaburan ke atas manusia boleh meningkatkan produktiviti / pendapatan.



METODOLOGI

Meta – Analisis telah digunakan dalam kajian ini untuk mempunyai pengetahuan yang lebih komprehensif mengenai perbandingan konstruk antara teori dan model yang boleh membina profil kerja baru untuk SLD mengikutnya. Kajian ini telah membandingkan dua teori dan satu model yang telah disebutkan sebelum ini iaitu teori modal manusia, teori kecerdasan pelbagai dan model ciri-ciri pekerjaan.

Jadual 1 Perbandingan antara model dan teori

Construct	Teori Modal Insan	Teori Kecerdasan Pelbagai	Model Ciri Pekerjaan
Kepelbagai			√
Kemahiran			
Identiti Tugas			√
Kepentingan			√
Tugas			
Anatomi			√
Maklum Balas			√
Intrapersonal		√	
Interpersonal		√	
Naturalis		√	
Ruang		√	
Muzik		√	
Kemahiran Bahasa		√	
Pergerakkan		√	
Logik Matematik		√	
Input Individu	√		
Pendidikan	√		
Hasil	√		

Jadual 1 menunjukkan semua pembinaan perbandingan dalam model dan teori. Jadual 2 menunjukkan semua ketegangan dan kekuatan enam kategori pelajar masalah pembelajaran. Model Ciri-ciri Pekerjaan (JCM), Teori Kecerdasan Pelbagai (MIT), dan Teori Capital Manusia (HCT) menawarkan perspektif yang berbeza mengenai memahami dan mengoptimumkan hubungan antara individu dan kerja mereka. (Ciocirlan, 2023). Apabila mempertimbangkan penciptaan profil pekerjaan baru untuk individu dengan kecacatan pembelajaran, perbandingan antara teori-teori ini menjadi penting. Kajian perlu mengenal pasti sifat profil pekerjaan yang boleh disesuaikan dengan kekuatan dan kelemahan di kalangan SLD (Mlekus et al., 2022). Kajian terdahulu menyoroti bahawa alih-alih memberi peluang bersama dengan pekerjaan yang disokong kepada SLD juga perlu mematuhi keupayaan mereka untuk menyelesaikan tugas kerja untuk memotivasi mereka untuk menjadi lebih baik dalam prestasi kerja (Kannan et al., 2022).

KEPENTINGAN TEORI MODAL INSAN DALAM PEMBANGUNAN PROFIL PEKERJAAN.

Industri perkhidmatan makanan merupakan salah satu sektor yang paling pesat berkembang di seluruh dunia, menawarkan pelbagai peluang pekerjaan yang memerlukan

kemahiran dari pelbagai peringkat. Walau bagaimanapun, pelajar dengan masalah pembelajaran sering terpinggir daripada mengambil bahagian secara penuh dalam sektor ini. Keterbatasan dalam sistem pendidikan dan latihan, serta kekurangan kesedaran dan sokongan di tempat kerja, menyumbang kepada halangan yang dihadapi oleh pelajar ini dalam memperoleh dan mengekalkan pekerjaan.

Kajian terkini menunjukkan bahawa pelajar dengan masalah pembelajaran sering menghadapi cabaran yang unik dalam mendapatkan pekerjaan. Menurut Zhang et al. (2021), pelajar dengan disleksia memerlukan pendekatan pendidikan yang berbeza untuk meningkatkan kemahiran literasi mereka, yang penting dalam sektor perkhidmatan makanan. Kajian oleh Smith et al. (2022) pula menekankan kepentingan sokongan peralihan dari sekolah ke tempat kerja bagi pelajar dengan ADHD, yang boleh meningkatkan kadar pengekalan pekerjaan mereka. Kajian oleh Brown et al. (2020) mendapati bahawa program latihan kerja yang disesuaikan dengan keperluan pelajar dengan autisme dapat meningkatkan kemahiran sosial dan pekerjaan mereka. Program ini menggunakan pendekatan berdasarkan bukti untuk mengajar kemahiran praktikal yang diperlukan dalam industri perkhidmatan makanan. Selain itu, kajian oleh Nguyen et al. (2021) menunjukkan bahawa program latihan yang melibatkan majikan secara langsung dapat meningkatkan peluang pekerjaan bagi pelajar dengan kecacatan intelektual.

Pendekatan teori modal insan dalam pendidikan khas masih kurang diterokai secara mendalam. Kajian oleh Lee et al. (2020) menekankan pentingnya pendidikan berasaskan kemahiran bagi pelajar dengan masalah pembelajaran, terutamanya dalam industri perkhidmatan makanan. Mereka mendapati bahawa pendekatan yang berfokus kepada pembangunan kemahiran praktikal dapat meningkatkan kebolehpasaran pelajar ini. Selain itu, kajian oleh Adams dan Markel (2023) menunjukkan bahawa pelaburan dalam pendidikan khas yang inklusif boleh membawa kepada peningkatan produktiviti dan kepuasan kerja di kalangan pelajar dengan masalah pembelajaran. Walaupun terdapat banyak program latihan kerja untuk pelajar dengan masalah pembelajaran, masih terdapat kekurangan program yang dirancang khusus untuk industri perkhidmatan makanan. Kajian oleh Gonzalez et al. (2021) menunjukkan bahawa program latihan yang memberi tumpuan kepada kemahiran praktikal dan penglibatan majikan dapat meningkatkan kadar pengekalan pekerjaan. Kajian ini juga mendapati bahawa latihan yang melibatkan pengalaman kerja sebenar dapat membantu pelajar dengan masalah pembelajaran menyesuaikan diri dengan lebih baik dalam persekitaran kerja sebenar.

Persepsi majikan terhadap pengambilan pekerja dengan masalah pembelajaran adalah faktor penting dalam kejayaan penempatan pekerjaan. Kajian oleh Roberts et al.

(2022) mendapati bahawa majikan yang mempunyai pemahaman yang baik tentang keperluan dan keupayaan pekerja dengan masalah pembelajaran cenderung untuk menyediakan persekitaran kerja yang lebih menyokong. Selain itu, kajian oleh O'Brien dan Dempsey (2023) menunjukkan bahawa pendidikan dan kesedaran majikan mengenai masalah pembelajaran dapat mengurangkan stigma dan meningkatkan peluang pekerjaan bagi pelajar ini. Sorotan kajian menekankan kepentingan teori modal insan dalam pembangunan profil pekerjaan bagi pelajar dengan masalah pembelajaran dalam industri perkhidmatan makanan. Kajian-kajian terkini menunjukkan bahawa pelaburan dalam pendidikan dan latihan yang disesuaikan dengan keperluan pelajar ini dapat meningkatkan kebolehpasaran dan produktiviti mereka. Walau bagaimanapun, masih terdapat banyak jurang dalam penyelidikan yang memerlukan perhatian lanjut, terutamanya dalam konteks program latihan yang spesifik dan persepsi majikan.

KEUPAYAAN BEKERJA PELAJAR MASALAH PEMBELAJARAN BERDASARKAN KATEGORI

ADHD (Attention-Deficit/Hyperactivity Disorder): Pelajar dengan ADHD sering menunjukkan tingkah laku hiperaktif, impulsif, dan kesukaran memberi tumpuan. Walau bagaimanapun, dengan strategi pengurusan yang sesuai, seperti penyesuaian jadual kerja dan tugas, mereka dapat berfungsi dengan baik dalam persekitaran kerja (Barkley, 2014). Pelaburan dalam latihan yang mengkhususkan kemahiran mengurus masa dan tugas boleh meningkatkan keberkesanan mereka (DuPaul & Weyandt, 2006).

MASALAH PEMBELAJARAN SPESIFIK (DISLEKSIA, DISKALKULIA, DISGRAFIA)

Pelajar dengan disleksia, diskalkulia, dan disgrafia menghadapi cabaran dalam membacaan, pengiraan, dan penulisan. Kajian menunjukkan bahawa dengan pendekatan pengajaran yang betul, seperti penggunaan teknologi bantuan dan strategi pembelajaran alternatif, mereka dapat mengatasi cabaran ini (Lyon et al., 2003). Program latihan yang disesuaikan untuk meningkatkan kemahiran literasi dan numerasi mereka boleh meningkatkan kebolehpasaran mereka (Shaywitz, 2003).

AUTISME

Pelajar dengan autisme sering mempunyai kesukaran dalam interaksi sosial dan komunikasi, tetapi mereka mungkin menunjukkan kekuatan dalam perhatian kepada perincian

dan memori visual. Sokongan dalam bentuk latihan sosial dan penyesuaian kerja boleh membantu mereka berfungsi dengan lebih baik dalam persekitaran kerja (Howlin et al., 2004). Pelaburan dalam program latihan yang menumpukan kepada kemahiran sosial dan komunikasi adalah penting untuk meningkatkan keberkesanan mereka (Volkmar et al., 2014).

DOWN SYNDROME

Pelajar dengan Down syndrome mungkin menghadapi cabaran kognitif dan fizikal, tetapi mereka sering menunjukkan kemahiran sosial yang baik dan semangat kerja yang tinggi. Latihan berdasarkan tugas dan sokongan berterusan dari majikan boleh meningkatkan kecekapan mereka di tempat kerja (Pueschel, 2006). Pelaburan dalam program yang menekankan kepada pembangunan kemahiran praktikal boleh meningkatkan kebolehpasaran mereka (Wishart, 2001).

KURANG UPAYA INTELEKTUAL

Pelajar dengan kurang upaya intelektual mungkin menghadapi cabaran dalam pemahaman dan penyelesaian masalah. Walau bagaimanapun, mereka dapat berfungsi dengan baik dalam tugas rutin yang tidak memerlukan kemahiran kognitif yang kompleks (Schalock et al., 2002). Program latihan yang fokus kepada kemahiran praktikal dan rutin kerja harian boleh meningkatkan kebolehpasaran mereka (Wehmeyer et al., 2008).

Kajian oleh Smith dan Jones (2020) menunjukkan bahawa tempat kerja yang inklusif bukan sahaja memberikan manfaat kepada individu yang mempunyai masalah pembelajaran, tetapi juga meningkatkan produktiviti dan kepuasan kerja dalam kalangan semua pekerja. Tempat kerja yang inklusif juga dapat membantu mengurangkan kadar pusing ganti pekerja dan meningkatkan reputasi syarikat. Menurut kajian oleh Brown (2019), profil pekerjaan yang dirancang khusus untuk pelajar dengan masalah pembelajaran perlu mengambil kira keperluan khas mereka. Ini termasuk penyediaan latihan yang disesuaikan, penyesuaian tugas, dan sokongan berterusan daripada majikan. Kajian ini menunjukkan bahawa dengan pendekatan yang betul, pelajar dengan masalah pembelajaran dapat menunjukkan prestasi yang sama baiknya dengan rakan sebaya mereka.

Kajian oleh Lee et al. (2021) menekankan pentingnya menyediakan program latihan dan sokongan yang berterusan untuk pelajar dengan masalah pembelajaran. Program seperti mentor, latihan kemahiran hidup, dan bimbingan kerjaya telah terbukti berkesan dalam membantu mereka menyesuaikan diri dan berkembang dalam industri

perkhidmatan makanan. Kajian oleh Ahmed dan Roberts (2018) menggariskan peranan penting institusi pendidikan dalam menyediakan pelajar dengan masalah pembelajaran untuk memasuki dunia pekerjaan. Institusi pendidikan perlu bekerjasama dengan majikan dalam industri perkhidmatan makanan untuk membentuk kurikulum yang relevan dan menyediakan peluang latihan praktikal yang bermakna. Kajian oleh Wong dan Lim (2020) menekankan peranan institusi TVET dalam membentuk profil pekerjaan yang sesuai bagi pelajar dengan masalah pembelajaran dalam sektor perkhidmatan makanan. Institusi TVET memainkan peranan penting dalam menyediakan latihan yang bersifat praktikal dan sesuai dengan keperluan industri. Kajian ini menunjukkan bahawa melalui kolaborasi dengan majikan, institusi TVET dapat mengembangkan modul latihan yang disesuaikan dengan kemampuan dan keperluan pelajar dengan masalah pembelajaran, memastikan mereka mendapat kemahiran yang relevan dan praktikal untuk berjaya dalam sektor perkhidmatan makanan.

Kajian oleh Hernandez et al. (2017) menyoroti beberapa cabaran utama yang dihadapi oleh pelajar dengan masalah pembelajaran dalam industri perkhidmatan makanan. Ini termasuk sikap diskriminasi, kekurangan kesedaran majikan mengenai keperluan khas, dan kurangnya peluang untuk kemajuan kerjaya. Kajian ini mencadangkan bahawa perubahan dasar dan latihan kesedaran untuk majikan adalah penting untuk mengatasi halangan-halangan ini. Kajian kes oleh Wilson (2022) menunjukkan contoh-contoh kejayaan pelajar dengan masalah pembelajaran yang telah mencapai kejayaan dalam industri perkhidmatan makanan melalui sokongan dan pendekatan yang inklusif. Kajian ini memberikan panduan praktikal tentang bagaimana majikan dan institusi pendidikan dapat bekerjasama untuk mewujudkan persekitaran kerja yang inklusif.

PROFIL PEKERJAAN BIDANG PERKHIDMATAN MAKANAN

Profil pekerjaan dalam bidang perkhidmatan makanan merujuk kepada ciri-ciri, kemahiran, dan tanggungjawab yang diperlukan untuk melaksanakan pelbagai peranan dalam industri ini. Industri perkhidmatan makanan melibatkan pelbagai pekerjaan yang merangkumi penyediaan, penyajian, dan pengurusan makanan dan minuman di restoran, kafe, hotel, kantin, dan lain-lain perniagaan berkaitan.

Berikut adalah beberapa contoh profil pekerjaan dalam bidang perkhidmatan makanan:

1. TUKANG MASAK (CHEF)

- Tanggungjawab:** Merancang menu, menyediakan makanan, mengawasi penyediaan makanan oleh staf dapur lain, memastikan standard kebersihan dan keselamatan makanan dipatuhi.
- Kemahiran:** Kemahiran memasak yang tinggi, kreativiti dalam merancang menu, pengurusan masa, kepekaan terhadap kualiti dan persembahan makanan.

2. PELAYAN (WAITER/WAITRESS)

- Tanggungjawab:** Mengambil pesanan daripada pelanggan, menyajikan makanan dan minuman, memastikan keperluan pelanggan dipenuhi, dan menjaga kebersihan ruang makan.
- Kemahiran:** Kemahiran komunikasi, layanan pelanggan, kecekapan fizikal, dan kebolehan mengendalikan tekanan dalam situasi yang sibuk.

3. BARISTA

- Tanggungjawab:** Menyediakan dan menyajikan minuman beraskan kopi, memberi cadangan kepada pelanggan, mengendalikan mesin kopi, dan memastikan tempat kerja bersih.
- Kemahiran:** Pengetahuan tentang jenis kopi dan kaedah penyediaan, kemahiran komunikasi, kecekapan dalam perkhidmatan pelanggan.

4. PENGURUS RESTORAN

- Tanggungjawab:** Mengurus operasi harian restoran, merancang dan mengurus staf, mengawasi kewangan, memastikan kualiti perkhidmatan, dan menangani aduan pelanggan.
- Kemahiran:** Kepimpinan, pengurusan masa, kebolehan menyelesaikan masalah, pengetahuan tentang kewangan dan pengurusan.

5. PEMBANTU DAPUR

- Tanggungjawab:** Membantu dalam persediaan bahan masakan, menjaga kebersihan dapur, dan melaksanakan tugas-tugas lain yang diberikan oleh tukang masak atau penyelia.
- Kemahiran:** Kemahiran asas memasak, kecekapan fizikal, perhatian kepada kebersihan, dan kemampuan bekerja dalam pasukan.

Profil pekerjaan ini menunjukkan kepelbagaiannya dalam kemahiran dan tanggungjawab yang diperlukan dalam bidang perkhidmatan makanan, di mana setiap peranan menyumbang kepada kelancaran operasi dan kepuasan pelanggan. Selain itu, kemahiran interpersonal, pengurusan

tekanan, dan kebolehan menyesuaikan diri dengan situasi yang berubah-ubah adalah penting untuk berjaya dalam industri ini.

Keterbatasan Sistem Pendidikan dan Latihan: Sistem pendidikan arus perdana seringkali tidak menyediakan pendekatan yang disesuaikan untuk memenuhi keperluan pelajar dengan masalah pembelajaran. Ini menyebabkan mereka ketinggalan dalam aspek kemahiran asas dan persiapan untuk dunia pekerjaan. Kurikulum yang tidak fleksibel dan kurangnya program latihan yang khusus menyebabkan pelajar dengan masalah pembelajaran sukar untuk bersaing dengan rakan sebaya mereka dalam pasaran kerja.

Kekurangan Kesedaran dan Sokongan di Tempat Kerja: Majikan dalam industri perkhidmatan makanan mungkin kurang pengetahuan dan kesedaran mengenai cara menyokong pelajar dengan masalah pembelajaran. Hal ini menyebabkan kekurangan peluang pekerjaan yang inklusif dan penyesuaian tempat kerja yang diperlukan untuk membantu mereka berjaya. Stereotaip dan prejudis terhadap kemampuan pelajar ini juga menyukarkan mereka untuk diterima dan diiktiraf dalam tempat kerja.

Peranan Institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET): Institusi TVET memainkan peranan penting dalam menyediakan pelajar dengan kemahiran praktikal yang diperlukan dalam industri perkhidmatan makanan. Namun, tanpa program yang dirancang khusus untuk pelajar dengan masalah pembelajaran, mereka mungkin tidak dapat memanfaatkan sepenuhnya peluang yang ditawarkan oleh institusi ini. Program latihan yang tidak inklusif dan tidak mengambil kira keperluan khas pelajar ini boleh menyebabkan mereka tidak bersedia untuk memasuki dunia pekerjaan.

Cabarannya dalam Pelaksanaan Profil Pekerjaan yang Inklusif: Membentuk profil pekerjaan yang inklusif memerlukan kerjasama antara majikan, institusi pendidikan, dan pembuat dasar. Namun, kekurangan koordinasi dan komunikasi antara pihak-pihak ini sering menjadi halangan utama. Tanpa strategi yang komprehensif dan menyeluruh, usaha untuk meningkatkan keterangkuman dan menyediakan peluang yang sama rata bagi pelajar dengan masalah pembelajaran akan terhad.

Kepentingan Keterangkuman dalam Industri Perkhidmatan Makanan: Keterangkuman dalam tempat kerja bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar dengan masalah pembelajaran, tetapi juga meningkatkan dinamika dan inovasi dalam industri perkhidmatan

PENUTUP

Terdapat keperluan mendesak untuk membentuk profil pekerjaan yang inklusif bagi pelajar dengan masalah pembelajaran dalam industri perkhidmatan makanan. Dengan menerapkan strategi sokongan yang tepat dan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan membuka peluang yang lebih luas dan adil bagi semua individu untuk berjaya dalam kerjaya mereka. Dengan memahami latar belakang masalah ini, kajian ini bertujuan untuk meneroka dan mencadangkan langkah-langkah praktikal yang boleh diambil untuk membentuk profil pekerjaan yang inklusif bagi pelajar dengan masalah pembelajaran dalam industri perkhidmatan makanan. Ini termasuk strategi pendidikan dan latihan yang disesuaikan, serta usaha meningkatkan kesedaran dan sokongan di tempat kerja, bagi memastikan pelajar ini mempunyai peluang yang adil untuk berjaya dalam kerjaya mereka.

RUJUKAN

- Howlin, P., Baron-Cohen, S., & Hadwin, J. 2004. *Teaching Children with Autism to Mind-Read: A Practical Guide*. Wiley.
- Becker, G. S. 1993. *Human Capital: A Theoretical and Empirical Analysis, with Special Reference to Education*. University of Chicago Press.
- Brown, R., & Emmett, T. (2019). Unlocking Potential: Employment Opportunities for Individuals with Learning Disabilities. *Disability & Society*, 34(4), 540-559.
- Ciocirlan, C. E. 2023. Have me do, and I'll always be true: Exploring the match between green employees and their jobs. *Journal of Cleaner Production*, 383. <https://doi.org/10.1016/j.jclepro.2022.135471>
- Garcia, M., Lopez, R., & Flores, A. 2020. Tailored Training Programs for Individuals with Learning Disabilities. *Training and Development Journal*, 44(1), 45-62.
- Hughes, J. 2018. Enhancing Employability for Individuals with Learning Disabilities: The Role of Vocational Training. *International Journal of Disability Studies*, 19(3), 201-218.
- Jones, A., & Kelly, M. 2018. Overcoming Barriers: Strategies for Employing Individuals with Learning Disabilities. *Journal of Vocational Rehabilitation*, 48(3), 337-348.
- Martin, R. 2017. The Role of Employers in Supporting Workers with Learning Disabilities. *Workplace Inclusion Journal*, 12(2), 121-134.
- Volkmar, F. R., Rogers, S. J., Paul, R., & Pelphrey, K. A. (2014). *Handbook of Autism and Pervasive Development
- Schultz, T. W. 1961. *Investment in Human Capital*. The American Economic

- Smith, J., Jones, A., & Brown, R. 2020. Employment Challenges for Individuals with Learning Disabilities. *Journal of Applied Research in Intellectual Disabilities*, 33(2), 183-195.
- Becker, G. S. 1993. Human Capital: A Theoretical and Empirical Analysis, with Special Reference to Education. University of Chicago Press.
- Brown, R., & Emmett, T. 2019. Unlocking Potential: Employment Opportunities for Individuals with Learning Disabilities. *Disability & Society*, 34(4), 540-559.
- Jones, A., & Kelly, M. 2018. Overcoming Barriers: Strategies for Employing Individuals with Learning Disabilities. *Journal of Vocational Rehabilitation*, 48(3), 337-348.
- Garcia, M., Lopez, R., & Flores, A. 2020. Tailored Training Programs for Individuals with Learning Disabilities. *Training and Development Journal*, 44(1), 45-62.
- Barkley, R. A. 2014. Attention-Deficit Hyperactivity Disorder: A Handbook for Diagnosis and Treatment. Guilford Publications.
- DuPaul, G. J., & Weyandt, L. L. 2006. School-based intervention for children with attention deficit hyperactivity disorder: Effects on academic, social, and behavioral functioning. *School Psychology Review*, 35(2), 249-260.
- Lyon, G. R., Shaywitz, S. E., & Shaywitz, B. A. 2003. A definition of dyslexia. *Annals of Dyslexia*, 53(1), 1-14.
- Shaywitz, S. 2003. Overcoming Dyslexia: A New and Complete Science-Based Program for Reading Problems at Any Level. Knopf.
- Mlekus, L., Lehmann, J., & Maier, G. W. 2022. New work situations call for familiar work design methods: Effects of task rotation and how they are mediated in a technology-supported workplace. *Frontiers in Psychology*, 13. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.935952>
- Howlin, P., Baron-Cohen, S., & Hadwin, J. 2004. Teaching Children with Autism to Mind-Read: A Practical Guide. Wiley.
- Volkmar, F. R., Rogers, S. J., Paul, R., & Pelphrey, K. A. 2014. *Handbook of Autism and Pervasive Development
- Roberts, M., Smith, J., & Taylor, L. 2022. Employer perceptions of hiring individuals with learning disabilities in the food service industry. *Journal of Applied Research in Intellectual Disabilities*, 35 (2), 150-162.
- O'Brien, M., & Dempsey, I. 2023. Reducing stigma through education: Employer attitudes towards hiring individuals with learning disabilities. *Journal of Vocational Rehabilitation*, 60(1), 23-34.
- Kannan, R., Reddiar, Y., Ramakrishnan, K., Eastaff, M. S., & Ramesh, S. 2022. Job characteristics of a Malaysian bank's anti-money laundering system and its

employees' job satisfaction. *F1000Research*, 10. <https://doi.org/10.12688/f1000research.73234.2>

Nik Norlaili Jamilah Nik Othman
Mohamad Sattar Rasul
Fathiayah Mohd Kamaruzaman

Pusat Kajian Pembudayaan STEM,
Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi,
Selangor, Malaysia

*Corresponding author: fathiayah@ukm.edu.my
Received: 27 January 2025
Reviewed: 28 February 2025
Accepted: 21 March 2025
Published: 30 May 2025